

Kecersihan: Rakyat dicesa ubah sikap

KUALA LUMPUR, Selasa—Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan bahawa negara boleh menjadi kucar-kacir jika penduduknya terlalu mementingkan diri sendiri dan tidak saling mengenali sesama jiran tetangga.

Perdana Menteri menegaskan, hidup berharmoni dan saling bekerjasama dengan masyarakat setempat adalah perlu untuk menjamin keselamatan dan kebersihan di kawasan mereka. Beliau berkata demikian ketika melancarkan Rancangan Perkhidmatan Pegawai Penyelaras Kawasan Wilayah Persekutuan dan merasmikan Pejabat Contoh Kawasan Gombak untuk menyambut Hari Ulang Tahun Wilayah Persekutuan di sini.

Hadir sama ialah Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Pengeran Ohman Rauf, Menteri Besar Selangor, Datuk Haji Ahmad Razali, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Haji Muhyiddin Mohd Yassin dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Elyas Omar.

Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan rakyat supaya mengubah sikap dan bekerjasama dengan kerajaan menjaga kebersihan kawasan sekitar. "Kita akan berbangga jika bandar kita sentiasa bersih dan cantik," katanya.

Kerajaan, kata beliau, terpaksa mengenakan beberapa peraturan seperti Lalulintas dan kebersihan untuk kepentingan seluruh masyarakat.

"Peraturan-peraturan itu bukan bertujuan menyekat kebebasan orang ramai, sebaliknya meniharapkan mereka lebih berdisiplin," ujarnya.

Menurut Perdana Menteri, walaupun ada kakitangan kha menjaga kebersihan dan keindahan bandaraya, usaha ini tidak akan tercapai sepenuhnya tanpa kerjasama orang ramai.

Menjaga harta benda awam dan membuang sampah di tempat yang disediakan adalah satu sikap yang perlu diamalkan berterusan, jelas beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, "Penduduk-penduduk bandaraya akan merasa terhina jika pelawat-pelawat asing menuduh kawasan ibu negara kotor dan tidak nyaman.

"Untuk mengelakkan tuduhan itu, penduduk-penduduk Kuala Lumpur perlu menjaga kebersihan dan kecantikan bandaraya hingga boleh dicontohi oleh bandar-bandar lain di negara ini," tambahnya.

"Bifatkan ibu negara sebagai hak kita bersama," ujar beliau lagi. Perdana Menteri kemudian mensahitkan pegawai-pegawai penyelaras yang baru dilantik bertugas penuh tekun dan berhubung rapat dengan penduduk-penduduk tempat mereka bertugas.

Mereka harus bertindak sebagai penyelaras masalah jika ada kekurangan-kekurangan seperti jalan dan lampu elektrik rosak, paip bocor dan sebagainya, jelas beliau.



DATUK SERI DR Mahathir Mohamad menarik tirai melancarkan Pejabat Penyelaras Kawasan Gombak di Taman Ibukota dekat Kuala Lumpur, semalam.

Sebelum itu, Perdana Menteri melancarkan Perkhidmatan Pegawai Penyelaras.—Gambar Berita Harian.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia